

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan penubuhan PETROS di Sarawak terhadap PETRONAS, dengan usaha mengurangkan karbon yang giat dilaksanakan di negara Eropah, adakah ia akan menjejaskan prospek pembangunan petroleum di Malaysia dan apakah cara untuk mengatasinya.

JAWAPAN

YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penubuhan Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) telah memberikan impak positif dari segi penglibatan negeri Sarawak yang lebih aktif dalam industri minyak dan gas. PETRONAS dan PETROS telah menjalinkan kerjasama melalui perjanjian petroleum untuk sumber minyak dan gas di kawasan daratan (*onshore*) serta pelaburan oleh PETROS dalam usaha eksplorasi, pembangunan dan pengeluaran hulu di kawasan luar pesisir pantai (*offshore*).

2. Hasil kerjasama tersebut, PETRONAS baru-baru ini telah menganugerahkan *Production Sharing Contract* (PSC) untuk aktiviti eksplorasi bagi Blok SK437, yang terletak di luar pesisir pantai Sarawak kepada anak syarikat PETROS iaitu Petroleum Sarawak Exploration and Production Sdn Bhd (PSEP) serta rakan kongsi iaitu PETRONAS Carigali Sdn Bhd, dan Sarawak Shell Berhad. Selain Blok SK437, PSEP juga mempunyai kepentingan ekuiti dalam usaha pengeluaran minyak dan gas yang terletak di luar pesisir Sarawak melalui Malaysia LNG Sdn. Bhd (MLNG) PSC dan Kumang Cluster PSC.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Usaha mengurangkan karbon yang giat dilaksanakan di negara Eropah tidak akan menjejaskan prospek pembangunan petroleum di Malaysia. PETRONAS sentiasa komited dalam usaha pengurangan karbon melalui pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS telah memperkenalkan Komitmen Karbon PETRONAS (*PETRONAS Carbon Commitments* atau *PCC*) sejak tahun 2012 sebagai panduan pengurusan gas rumah hijau atau *greenhouse gas* (GHG) melalui pengurangan pembakaran dan pelepasan hidrokarbon (*hydrocarbon flaring and*

venting reduction) serta peningkatan kecekapan tenaga (*energy efficiency improvement*). Komitmen Karbon PETRONAS atau PCC telah dikemaskini dari masa ke masa selari dengan perkembangan industri, pasaran dan teknologi.

5. Selain itu, Kerangka Perubahan Iklim PETRONAS atau *PETRONAS Climate Change Framework* juga telah diperkenalkan bagi menangani isu perubahan iklim selari dengan peralihan ke arah ekonomi rendah karbon. Kerangka ini memberi fokus kepada pengurangan pelepasan GHG dan jejak karbon (*carbon footprint*), antaranya melalui inisiatif seperti penerapan teknologi dan inovasi, pembangunan kapasiti, penggunaan tenaga yang lebih bersih seperti gas asli dan kecemerlangan operasi (*operational excellence*).

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS pada tahun 2020 juga telah mengumumkan aspirasi karbon sifar bersih menjelang tahun 2050 atau *Net Zero Carbon Emission 2050*. Aspirasi ini mengukuhkan lagi komitmen PETRONAS untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45% menjelang tahun 2030 berbanding tahun 2005. PETRONAS, dengan kerjasama kontraktor-kontraktor PSC sentiasa peka dan memberi penekanan dalam memastikan pembangunan petroleum yang mampan.

Sekian, terima kasih.